

## Soalan Lazim dan Maklum Balas Semasa Rundingan Awam

### 1. **Adakah BNM akan mengawal selia Tawaran Syiling Permulaan (ICO)?**

- Aktiviti berkaitan dengan ICO adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti.
- Jika sesuatu ICO melibatkan aktiviti yang termasuk dalam skop perkhidmatan yang ditakrifkan di bawah seksyen 4.1 dokumen dasar, maka aktiviti tersebut adalah tertakluk pada keperluan yang ditetapkan dalam dokumen dasar.

### 2. **Memandangkan ciri-ciri tanpa sempadan dan privasi yang dipertingkatkan dalam pertukaran mata wang digital kepada bentuk mata wang digital yang lain, adakah BNM sepatutnya memberi tumpuan kepada pertukaran antara mata wang fiat dengan mata wang digital?**

- Pertukaran daripada satu mata wang digital kepada satu mata wang digital yang lain juga terdedah kepada risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang kini semakin berleluasa disebabkan penggunaan meluas mata wang digital untuk tujuan pelaburan dan pembayaran.

### 3. **Bolehkah BNM mempertimbangkan untuk membenarkan penukar mata wang digital (DCE) menggunakan swafoto ("selfie") dalam mengesahkan identiti pelanggan? Bagaimanakah DCE boleh merujuk dokumen asal?**

- Bank tidak meletakkan sekatan ke atas penggunaan kaedah secara elektronik untuk melaksanakan usaha wajar pelanggan (CDD) atau pengesahan identiti pelanggan. Walau bagaimanapun, kaedah sedemikian hendaklah memenuhi keperluan di bawah Seksyen 9.3.3 yang menetapkan keberkesanan CDD perlulah setara dengan proses CDD secara bersemuka.
- Institut pelaporan ("RI") boleh merujuk pada dokumen pengenalan secara fizikal atau secara elektronik, selagi mana RI dapat menentukan kesahihannya mengikut budi bicara.

### 4. **Apakah pendekatan BNM terhadap perniagaan sistem pembayaran, perniagaan pengiriman wang, penyedia dompet, dan penyedia perkhidmatan lain yang mungkin berkaitan dengan DCE?**

- Dokumen dasar ini hanya terpakai ke atas mana-mana individu yang menyediakan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 4.1, termasuklah perniagaan yang berkaitan dengan DCE.

- Selain daripada obligasi yang dikenakan di bawah dokumen dasar, Bank tidak mengawal selia aktiviti atau melesenkan perkhidmatan mata wang digital atau aktiviti yang berkaitan dengannya.
- Bank mempunyai dasar dokumen yang sedia ada untuk institusi pelaporan yang meliputi perniagaan pengiriman (Sektor 3) dan sistem pembayaran (Sektor 4).

**5. Sekiranya Bank mengenakan obligasi AML/CFT ke atas DCE, mengapa tidak dilesenkan sahaja DCE dan mengawal selia industri secara keseluruhannya kerana industri ini boleh memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi?**

- Memandangkan mata wang digital tidak diiktiraf sebagai mata wang yang sah dan tidak dikaitkan dengan mana-mana pengeluaran wang yang sah, buat masa ini Bank tidak bercadang untuk melesenkan atau mengawal selia aktiviti mata wang digital, termasuklah DCE. Bank akan terus memantau perkembangan aktiviti mata wang digital dan menggalakkan peningkatan ketelusan bagi mencegah penyalahgunaan sehingga terjadi aktiviti jenayah dan membolehkan pengguna memahami dan menilai risiko berkaitan aktiviti mata wang digital dengan lebih baik. Orang ramai yang berurusan dengan mata wang digital dinasihati supaya berhati-hati apabila terlibat dengan mata wang digital.

**6. Adakah institusi kewangan dilarang berurusan dengan penukar mata wang digital atau perniagaan yang berkaitan dengan mata wang digital?**

- Institusi kewangan dijangkakan mengambil pendekatan berasaskan risiko dan menjalankan Kenal Pelanggan Anda (KYC) dan Usaha Wajar Pelanggan (CDD) yang sesuai sebelum menjalin hubungan perbankan dengan penukar mata wang digital. Secara praktik, penukar mata wang digital mungkin tertakluk pada CDD yang dipertingkatkan berdasarkan penilaian yang dibuat oleh institusi kewangan terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang meningkat.

**7. Adakah transaksi rakan-ke-rakan (P2P) terangkum di bawah dokumen dasar yang dicadangkan ini?**

- Selagi mana transaksi P2P yang ditawarkan sebagai perkhidmatan memenuhi takrif di bawah seksyen 4.1, mereka dikehendaki mematuhi keperluan sebagai institusi pelaporan.

**8. *Apakah pandangan BNM mengenai pengenaan cukai ke atas keuntungan perdagangan mata wang?***

- Isu ini adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Tetapi secara prinsipnya, suatu perniagaan sepatutnya menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai ke atas pendapatan mereka yang dijana dalam negara.

**9. *Selain daripada DCE, adakah individu dan perniagaan tertakluk pada tanggungjawab sebagai Institusi Pelaporan?***

- Mana-mana individu, sama ada orang perseorangan atau perniagaan, yang menyediakan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 4.1 dokumen dasar adalah tertakluk pada tanggungjawab sebagai institusi pelaporan.

**10. *Adakah terdapat keperluan untuk memaklumkan kepada BNM dari semasa ke semasa mengenai sebarang perubahan kepada butiran yang telah diisytiharkan terdahulu?***

- Bank telah membuat pindaan yang memerlukan institusi pelaporan untuk memaklumkan kepada Bank sebarang perubahan ketara atau maklumat penting yang tidak tepat dalam tempoh lima hari bekerja (Seksyen 7.3).

**11. *Bolehkah individu menjalankan perniagaan pertukaran mata wang digital tanpa membuat pendaftaran sebagai syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia?***

- Mana-mana individu, sama ada individu tempatan atau asing sepatutnya diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 jika mereka menjalankan atau berniat menjalankan aktiviti di Malaysia yang disenaraikan dalam Perenggan 4.1 dalam dokumen dasar.

**12. *DCE tidak sepatutnya membenarkan pelanggannya berurusan dengan alamat IP bagi mata wang digital yang diketahui telah terlibat dalam aktiviti jenayah seperti kes ransomware WannaCry.***

- Bank telah membuat pindaan yang menghendaki institusi pelaporan menyaring transaksi yang dilakukan oleh pelanggannya bagi memastikan bahawa transaksi dengan alamat IP bagi mata wang digital yang telah menimbulkan kecurigaan, dikenal pasti dan disekat (Seksyen 9.5.1 (b)).

**13. Keperluan maklumat dalam laporan transaksi yang mencurigakan ("STR") harus mempertimbangkan sifat digital transaksi yang melibatkan mata wang digital.**

- Bank telah membuat pindaan kepada borang STR yang memerlukan beberapa data tambahan apabila mengemukakan laporan urus niaga yang mencurigakan (Lampiran 3), seperti alamat IP, nombor rujukan transaksi mata wang digital, pengecam peranti unik yang terlibat dalam urus niaga, dll.